



MALAYSIAN INSTITUTE OF INFORMATION TECHNOLOGY

**FINAL EXAMINATION
JANUARY 2016 SEMESTER**

SUBJECT CODE : MPU 3213
SUBJECT TITLE : BAHASA KEBANGSAAN A
LEVEL : BACHELOR
TIME / DURATION : 9.00 am – 11.00 am
(2 HOURS)
DATE : 27 MAY 2016

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. This question paper consists of THREE (3) sections, Section A, B and C.
4. Answer ALL questions in Section A and B, and any ONE (1) question in Section C.
5. Please write your answers in the answer booklet provided.

THERE ARE PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A
SECTION A

(20 MARKAH)
(20 MARKS)

JAWAB SOALAN BERIKUT.
ANSWER THE FOLLOWING QUESTION.

SOALAN 1
QUESTION 1

(20 MARKAH)
(20 MARKS)

Baca petikan di bawah dan tandakan jawapan yang betul.
Read the following excerpt and mark the right answers.



Sejak kebelakangan ini, isu pemerdagangan manusia telah menjadi satu isu global yang hebat diperkatakan di mana-mana sahaja. Malaysia dikatakan menjadi tempat paling strategik untuk sindiket-sindiket memperdagangkan manusia. Sejak empat tahun yang lepas, terdapat 416 kes penguatkuasaan pemerdagangan manusia telah berjaya direkodkan di negara ini sahaja.

Apakah yang dimaksudkan dengan pemerdagangan manusia? Pemerdagangan manusia boleh ditakrifkan sebagai bentuk perhambaan pada masa kini. Contoh pemerdagangan manusia yang sering berlaku adalah penjualan organ manusia, sindiket pelacuran dan kerja tanpa gaji kepada buruh-buruh asing.

Penguatkuasaan undang-undang yang kurang berkesan merupakan antara punca peningkatan pemerdagangan manusia ke negara Malaysia. Terdapat beberapa lokasi strategi seperti lapangan terbang, pintu masuk sempadan atau pelabuhan menjadi tumpuan agen-agen khas yang dilantik sindiket bagi meneruskan aktiviti penyeludupan manusia. Tindakan segelintir pihak berkuasa yang memandang sebelah mata sahaja turut mengundang kepada gejala sosial ini.

Di samping itu, pertumbuhan ekonomi Malaysia yang pesat juga merupakan faktor tarikan pemerdagangan manusia berlaku di Malaysia. Disebabkan oleh faktor perbelanjaan yang murah, permintaan guna tenaga buruh asing oleh majikan tempatan terutamanya di sektor perkhidmatan, perlombongan, perkilangan dan pertanian melonjak tinggi.

Pendedahan yang kurang mengenai jenayah penyeludupan manusia turut merupakan punca kepada berleluasanya jenayah ini. Kebanyakan warga asing mudah tertipu dengan janji-janji manis agen-agen sindiket yang membawa mereka masuk ke sini. Mereka dijanjikan peluang pekerjaan yang lebih lumayan dan keadaan ekonomi yang lebih terjamin. Namun pada hakikatnya mereka ditipu dan diberi kerja sebagai hamba, pelacur atau buruh paksa yang tidak dibayar gaji dengan setimpalnya.

Rakyat tempatan sendiri juga kurang memberi maklumat mengenai kewujudan jenayah ini kerana mereka juga tidak tahu bahawa jenayah ini sudah menjadi salah satu musuh negara yang berada di tahap yang agak membimbangkan.

Jenayah pemerdagangan manusia ini telah mendatangkan pelbagai kesan negatif yang turut menjejaskan kedaulatan Malaysia di arena antarabangsa. Kedudukan Malaysia dalam senarai 16 negara berprestasi buruk dalam mengekang isu pemerdagangan manusia bukanlah pencapaian yang patut dibanggakan. Masalah ini juga menjejaskan pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Pelabur-pelabur asing akan berasa ragu-ragu untuk melabur di negara ini kerana gagal menunjukkan keprihatinan terhadap isu global ini.

Seterusnya, hubungan diplomatik Malaysia dengan negara luar juga akan turut terjejas. Hal ini demikian kerana penyeludupan dan pemerdagangan manusia melanggar hak sesebuah negara dan isu-isu yang berlaku dapat menjejaskan sedikit sebanyak hubungan diplomatik antara negara. Isu-isu seperti penderaan malahan pembunuhan pembantu rumah menimbulkan rasa tidak puas hati antara negara yang terlibat. Tindakan kejam segelintir majikan seperti memberi makan hanya sekali dalam sehari, memukul serta menahan gaji amah mereka amatlah tidak wajar sama sekali.

Kesimpulannya, isu pemerdagangan manusia adalah satu isu serius yang patut dipertanggungjawabkan kepada semua pihak. Sebagai rakyat Malaysia yang mengamalkan perpaduan kaum, kita hendaklah berganding bahu bagi memerangi isu ini. Kerajaan hendaklah memperkasakan dan memperincikan lagi masalah ini agar tidak berlanjutan. Aktiviti ini perlu dibanteras untuk memelihara ketenteraman dan keselamatan negara. Kita tidak boleh bersikap '*seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing*'. Masa depan generasi yang akan datang akan terabai jika masalah ini tidak ditangani segera.

Sumber:

<http://shazaeyra.blogspot.my/2015/08/karangan-stpm-pengajian-am.html>

(12 Ogos 2015)

1. Pemerdagangan manusia boleh ditafsirkan sebagai ...
 - A. bentuk perhambaan pada masa kini.
 - B. transaksi import dan eksport hasil negara.
 - C. pertukaran warga negara secara sukarela.
 - D. urusan jual-beli di antara negara-negara terlibat.

(1 markah)

2. Menurut penulis, sebanyak _____ kes penguatkuasaan pemerdagangan manusia telah berjaya direkodkan di Malaysia semenjak tahun _____.

A. 416, 2011	C. 461, 2011
B. 416, 2012	D. 461, 2012

(2 markah)

3. Berikut adalah contoh pemerdagangan manusia *kecuali* ...
 - A. sindiket pelacuran.
 - B. penjualan organ manusia.
 - C. penyeludupan barang-barang bebas cukai.
 - D. kerja tanpa gaji kepada buruh-buruh asing.

(1 markah)

4. Di antara punca peningkatan jenayah pemerdagangan manusia di Malaysia adalah ...
- A. pertumbuhan ekonomi Malaysia yang pesat.
 - B. penguatkuasaan undang-undang yang kurang berkesan.
 - C. pendedahan yang kurang mengenai jenayah penyeludupan manusia.
 - D. Semua jawapan di atas.

(1 markah)

5. Berikut adalah di antara janji-janji manis sindiket pemerdagangan manusia kepada kebanyakan warga asing **kecuali** ...
- A. kehidupan yang lebih bahagia.
 - B. peluang pekerjaan yang lebih lumayan.
 - C. keadaan ekonomi yang lebih terjamin.
 - D. penguasaan Bahasa Inggeris yang lebih baik.

(1 markah)

6. Jenayah pemerdagangan manusia ini boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif seperti berikut ...
- A. menjejaskan pertumbuhan ekonomi di Malaysia.
 - B. menjejaskan kedaulatan Malaysia di arena antarabangsa.
 - C. menjejaskan sedikit sebanyak hubungan diplomatik antara negara.
 - D. Semua jawapan di atas.

(1 markah)

7. Kita tidak boleh bersikap '**seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing**'.

Peribahasa di atas membawa maksud ...

- A. mengharungi kesenangan dan kesusahan bersama-sama.
- B. sabar mengerjakan sesuatu usaha, lama-lama berhasil juga.
- C. kebaikan seseorang itu tidak akan terhapus walaupun dia dicela.
- D. ketiadaan muafakat dalam sesuatu perbincangan di mana semua orang hanya mahu menyelamatkan diri masing-masing.

(2 markah)

8. **Pendedahan yang kurang mengenai jenayah penyeludupan manusia turut merupakan punca kepada berleluasanya jenayah ini.**

Sebagai seorang mahasiswa yang bergiat cergas di dalam aktiviti kemasyarakatan, cadangkan **TIGA (3) aktiviti** yang boleh dijalankan oleh pihak Universiti untuk memberi pendedahan mengenai jenayah penyeludupan manusia di kalangan masyarakat setempat.

(6 markah)

9. **Anda sering melihat beberapa warga negara asing bebas memasuki rumah kosong di tepi rumah anda terutamanya pada waktu malam. Anda mengesyaki bahawa mereka adalah pendatang tanpa izin dan mungkin juga terlibat di dalam jenayah pemerdagangan manusia.**

Sebagai seorang warga negara yang bertanggungjawab, apakah tindakan yang akan anda lakukan? Berikan justifikasi tindakan anda tersebut.

(3 markah)

10. Cadangkan **SATU (1) tajuk** yang sesuai untuk petikan karangan di atas.

(2 markah)

BAHAGIAN B
SECTION B

(60 MARKAH)
(60 MARKS)

JAWAB SEMUA SOALAN.
ANSWER ALL QUESTIONS.

SOALAN 1
QUESTION 1

(20 MARKAH)
(20 MARKS)

Tuliskan ayat berikut di dalam Bahasa Melayu.
Write the following sentences in Bahasa Melayu.

1. Good afternoon. = _____
2. Excuse me, I think I'm lost. = _____
3. How do I get to the National Monument? = _____
4. How many languages do you speak? = _____
5. The train will leave from Kuala Lumpur Sentral soon. = _____
6. The bus is leaving in ten minutes time. = _____
7. Congratulations on your promotion. = _____
8. May I have your number? = _____
9. I exercise in order to keep fit. = _____
10. I come from Jelebu. = _____

SOALAN 2
QUESTION 2**(20 MARKAH)**
(20 MARKS)**Gariskan Kata Hubung yang betul di dalam ayat berikut.***Underline the correct connectors in the following sentences.*

1. Saya baru minum segelas air kopi, (apabila / tetapi) tekak masih terasa dahaga.
2. Di antara makan (dan / dengan) minum, adik saya lebih suka makan.
3. Jimmy membaca buku (lalu / sambil) mendengar radio.
4. Kamu boleh berehat di hotel (atau / dan) di rumah tumpangan.
5. Rumahnya terletak (antara / di antara) kedai dengan pejabat pos.
6. Oleh (kerana / sebab) sakit, Yuna tidak hadir ke kelas pada hari itu.
7. Dia malas membuat ulang kaji (dan / maka) dia gagal dalam peperiksaan.
8. Kami terpaksa membatalkan lawatan itu (kerana / oleh sebab) hari hujan.
9. Anthony bekerja dan berniaga pada waktu siang (dan / serta) berehat pada waktu malam.
10. Ibu menghantar saya dari rumah (lalu / sehingga) tepi jalan.

SOALAN 3
QUESTION 3**(20 MARKAH)**
(20 MARKS)**Isikan tempat kosong berikut dengan Kata Tanya yang betul.***Fill in the blanks below with the correct questions.*

1. _____ (Mengapa / Mengapakah) awak tidak hadir semalam?
2. Semalam awak tidak hadir, _____ (mengapa / mengapakah)?
3. _____ (Apa / Apakah) nama kucing awak yang comel itu?
4. _____ (Bagaimana / Bagaimanakah) hendak menukar tayar kereta ini?
5. Sekiranya dia tidak dapat datang, _____ (bagaimana / bagaimanakah)?
6. _____ (Siapa / Siapakah) penyanyi lagu ini?
7. Ada seseorang telah memberikan saya hadiah ini, tapi _____ (siapa / siapakah)?
8. Awak akan melancong ke sana, _____ (bila / bilakah)?
9. _____ (Bila / Bilakah) awak akan melancong ke sana?
10. _____ (Berapa / Berapakah) harga basikal itu?

BAHAGIAN C
SECTION C

(20 MARKAH)
(20 MARKS)

JAWAB SATU SOALAN SAHAJA.
ANSWER ONLY ONE QUESTION.

SOALAN 1
QUESTION 1

(20 MARKAH)
(20 MARKS)

Ceritakan mengenai keunikan negara anda di dalam **300** patah perkataan.
*In about **300** words, write about your country's uniqueness.*

SOALAN 2
QUESTION 2

(20 MARKAH)
(20 MARKS)

Ceritakan mengenai diri anda di dalam **300** patah perkataan.
*In about **300** words, write about yourself.*

Unikl MIT
~~~ SOALAN TAMAT ~~~  
~~~ END OF QUESTIONS ~~~